



17 APR, 2026

Selangor percepat usaha teroka tenaga nuklear

Berita Harian, Malaysia



Selangor percepat usaha teroka tenaga nuklear

Shah Alam: Kerajaan Selangor akan mempercepat usaha meneroka tenaga nuklear menerusi kerjasama dengan agensi Persekutuan dan negara asing, sebagai langkah mempelbagai sumber tenaga negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata inisiatif itu penting bagi menghadapi potensi krisis tenaga serta memastikan negeri kekal berdaya tahan dari segi bekalan dan penggunaan tenaga, tanpa terlalu bergantung kepada sumber import.

"Ini bermakna campuran tenaga di Selangor perlu dipelbagai. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada gas atau arang batu semata-mata. Tenaga solar, hidrogen dan mungkin biodiesel perlu memainkan peranan yang lebih besar dan perlu dipercepat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media 'Strategi Persediaan Kerajaan Selangor dalam Mendeptani Krisis Asia Barat di sini, semalam.

Amirudin berkata, usaha yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 untuk meneroka kesediaan pembangunan loji nuklear akan dipercepat, termasuk membina ekosistem serta melatih pelajar universiti bagi melahirkan bakat tempatan dalam bidang teknologi itu.



Amirudini (tengah) bersama Speaker DUN Selangor, Lau Weng San (kanan) serta Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Datuk Mohd Yazid Sairi pada sidang media di Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

"Ini bagi memastikan tenaga kerja tempatan berupaya memahami, mengurus dan mengendalikan teknologi serta loji pada masa hadapan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, peringkat awal peralihan tenaga akan membabitkan bangunan pentadbiran negeri, termasuk penggunaan tenaga solar, teknologi simpanan bateri, tenaga hidrogen serta peningkatan kecekapan tenaga.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri melalui anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Worldwide Holdings, sudah menyiapkan loji hidrogen mini yang mampu membekalkan tenaga kepada 12,900 rumah di Kerling, Hulu Selangor.

Amirudin berkata, operasi dua Loji Sisa kepada Tenaga (Waste-to-Energy, WTE) di Jeram, Kuala Selangor dan Tanjung Dua Belas, Kuala Langat akan dipercepat dan dijangka dilancarkan sebelum Jun ini.

Beliau berkata, kedua-dua tapak pelupusan sanitari itu masing-masing mempunyai kapasiti pemprosesan 3,000 tan dan 2,000 tan sisa sehari, serta akan dilengkapi dengan loji WTE dan kemudahan sokongan lain.

Sementara itu Amirudin berkata, negeri itu melancarkan Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor dengan dana RM130.42 juta diperuntuk bagi fasa pertama bermula Jun ini, selepas kerajaan negeri membuat langkah penjimatan.

Beliau berkata, pakej itu bertujuan mengukuhkan ketenteraman bekalan makanan, me-

ngurangkan kos sara hidup rakyat, mengawal inflasi daripada meningkat secara keterlaluan, meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan bantuan bersasar kepada golongan yang paling terkesan.

Menerusi pakej berkenaan, Amirudin berkata, sebanyak RM5 juta untuk Jelajah Ehsan Rahmah 2026 melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang akan berlangsung sebulan sekali pada setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Selangor.

Beliau berkata peruntukan itu mampu meringankan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah, dan bakal memanfaatkan hingga 168,000 isi rumah.

Bagi meningkatkan stok bekalan makanan, Amirudin berkata kerajaan negeri akan memperuntuk RM50 juta untuk Gudang Makanan Selangor.

"Langkah ini supaya sekiranya berlaku sebarang kekurangan import makanan, Selangor dapat mengaktifkan stok seperti beras dan protein agar harga barang mentah tidak melonjak terlalu tinggi," katanya.

BERNAMA